



**ISMAIL ALI (dua dari kiri) bersama kakitangan UMS membersihkan meja yang berlumpur akibat banjir di SK Sinoko, Membakut, Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.**

# Banjir: UMS bantu sekolah terjejas

UM 4.2.2015 26

**Oleh ASSIM HASSAN**

utusansabah@utusan.com.my

■ KOTA KINABALU 3 FEB.

**B**UDAYA tolong-menolong meringankan beban mereka yang memerlukan terus dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) apabila tampil memberi sumbangan barangan keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Sinoko, Membakut di sini yang terkesan akibat bencana banjir bulan lalu.

Sumbangan murni itu disam-

paikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali bersama kira-kira 25 orang kakitangan jabatan itu.

Ismail berkata, UMS akan menghantar sumbangan berupa kelengkapan pejabat dan buku-buku rujukan bagi memudahkan urusan pentadbiran serta pembelajaran murid di sekolah berkenaan.

“Tentang sumbangan ini, kita terpujikan untuk menghulurkan bantuan memandangkan sekolah ini terjejas teruk.

“Selain sumbangan keperluan pengajaran dan pembelajaran, sukarela-

wan kita bersama pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) negeri turut melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan sekolah,” katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Guru Besar SK Sinoko, Jaini Hassan menyifatkan keprihatinan UMS dan JPAM dalam membantu kerja-kerja pembersihan sekolah itu sebagai satu usaha murni kedua-dua pihak.

“Terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dan kakitangan UMS serta pihak JPAM kerana sudi tampil menghulurkan bantuan,” katanya.